

Headline

KEJURUTERAAN AERONAUTIK

Date

24. Sep 2008

Media Title

Utusan Malaysia

Section

Supplement

Circulation

238082

Readership

833287

Language

MALAY

Page No

3a

Article Size

527 cm²

Frequency

Daily

Color

Full Color

AdValue

7429.43



Dari Meja MOSTI

Ministry Of Science, Technology and Innovation



Kementerian
Sains, Teknologi
dan Inovasi
(MOSTI)

ASSALAMUALAIKUM dan selamat sejahtera buat pembaca sekalian. Tema menarik yang dikupas sisipan *Estidotmy* untuk bulan ini adalah Teknologi Perubatan. Kini Malaysia kian maju dari segi teknologi termasuklah dalam bidang perubatan. Terbaru adalah teknologi sistem pembedahan robotik da Vinci di mana tugas membedah dilakukan oleh dua lengan halus mekanikal (robotik) yang dipantau oleh pakar bedah di bilik berasingan melalui bantuan komputer.

Selain itu, Malaysia turut mempraktikkan rawatan sel stem. Rawatan ini berkesan kerana ia boleh diperoleh daripada badan manusia, termasuk pesakit itu sendiri iaitu di sum-sum tulang, tali pusat dan darah periferi. Nanoteknologi turut diamalkan dalam perubatan. Di antara aplikasi teknologi nano dalam bidang perubatan adalah diagnosis penyakit, onkologi, farmaseutikal, toksikologi, penyampaian gen dan klinikal. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut, sila tatapi ruangan Sejenak dalam majalah ini.

Saintis Islam pilihan bulan ini adalah satu nama yang tidak asing lagi iaitu Ibnu Sina. Kajian saintifik beliau yang paling terkenal adalah Kitab al-Shifa (Book of Healing) dan al-Qanun

al-Tibb. Sebuah tugu ‘doktor segala doktor’ didirikan di luar Muzium Bukhara dan potret beliau dipamerkan di Fakulti Perubatan, Universiti Paris, Perancis sebagai menghargai sumbangangan besar beliau dalam bidang perubatan.

Kita sememangnya amat memerlukan lebih ramai doktor perubatan dan pakar di Negara kita. Pakar Ortopedik merupakan pilihan kerjaya kali ini. Ia merujuk kepada pembedahan yang melibatkan kecederaan pada otot atau tulang. Di antara universiti tempatan yang menawarkan kursus ini ialah Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia.

Jangan lupa mendapatkan keluaran *Estidotmy* berikutnya yang diterbitkan pada hari Rabu terakhir setiap bulan. Sekian.

Salam mesra daripada warga MOSTI.

Diskusi isu sains di Blog dan Forum ASM!

Layari Blog: www.akademisains.gov.my/blog

Forum:

www.akademisains.gov.my/index.php?option=com_fireboard&Itemid=322

Altenatif lain, sila layari laman web ASM di
www.akademisains.gov.my

